

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING (KULAI)**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pasangan bukan warganegara Malaysia berhak untuk menetap di Malaysia setelah perceraian dari pasangan Malaysia. Pada masa ini, walaupun mereka yang mempunyai hak penjagaan bersama, mereka tidak diberikan visa untuk tinggal di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pasangan warga asing yang bercerai dengan warganegara Malaysia boleh diberikan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang Kategori Janda atau Ibu kepada Warganegara oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi membantu warga asing ini dapat tinggal secara sah di Malaysia. Kemudahan imigresen ini diberikan bagi memastikan ikatan kekeluargaan ibu dan anak warganegara tidak akan terputus walaupun kedua ibu bapa mereka telah bercerai.